

# FESTIVAL BAHASA DAN SASTERA 2020

## PERTANDINGAN BERCERITA

Anjuran  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

dengan kerjasama  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PERSATUAN KEBUDAYAAN HAN MALAYSIA

PERSEKUTUAN PERSATUAN-PERSATUAN  
LEMBAGA PENGURUS SEKOLAH MENENGAH  
PERSENDIRIAN CINA MALAYSIA

### PENGENALAN

- Festival Bahasa dan Sastera 2020 merupakan program yang dilaksanakan untuk memperkasakan bahasa dan sastera kebangsaan dalam kalangan pelajar bukan Melayu di Sekolah Menengah Persendirian Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.
- Acara yang dipertandingkan ialah Koir, Deklamasi Puisi, Pidato, Forum Pelajar dan Bercerita.

### MATLAMAT

- Menanamkan semangat kecintaan terhadap bahasa kebangsaan dalam kalangan pelajar bukan Melayu dari peringkat awal.
- Mewujudkan dan menyediakan suasana penggunaan bahasa kebangsaan yang indah dan santai dalam kalangan pelajar sekolah bukan Melayu.

### SYARAT-SYARAT

1. Pertandingan Bercerita terbuka kepada pelajar-pelajar **bukan Melayu tahap satu** yang belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.
2. **Struktur Pertandingan**  
Pertandingan akan dilaksanakan secara dua peringkat iaitu saringan dan akhir.
  - 2.1 **Peringkat Saringan**
    - 2.1.1 Sekolah diminta memuat naik rakaman video bercerita peserta dalam Facebook Festival Bahasa dan Sastera dalam tempoh **17 Feb - 19 Jun 2020**.
    - 2.1.2 Penghakiman akan dinilai berdasarkan rakaman yang dibuat.
    - 2.1.3 Rakaman video yang dimuat naik hendaklah disertakan dengan maklumat yang berikut:
      - Nama Sekolah
      - Nama Peserta
      - Nama Guru Penyelaras
      - Tajuk Cerita
      - #festivalbahasadansastera2020
      - #berceritafbs2020
      - #bahasajwabangsa
      - #MalaysiaMembaca
  - 2.2 **Pertandingan Akhir**  
Lapan (8) orang peserta yang layak ke pertandingan akhir akan dimaklumkan melalui Facebook Festival Bahasa dan Sastera, dan dihubungi oleh Urus Setia melalui e-mel, surat dan panggilan telefon.
3. **Judul Cerita dan Cerita**
  - 3.1 Judul cerita dan cerita berdasarkan buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

3.2 Cerita dan bahagian yang dipilih untuk pertandingan ini hendaklah dilampirkan bersama-sama dengan Borang Penyertaan.

### 4. Syarat-syarat Bercerita

- 4.1 Peserta diberi masa lima (5) minit sahaja.
- 4.2 Peserta hendaklah menggunakan bahasa kebangsaan yang baik dan betul.
- 4.3 Peserta boleh memakai kostum yang bersesuaian dan menggunakan *prop* yang ringkas.
- 4.4 Isi cerita mestilah mengandungi unsur-unsur pengajaran dan nilai-nilai murni sejagat yang tidak menyentuh isu politik, ras dan agama.
- 4.5 Penyertaan akan dibatalkan sekiranya peserta:
  - i) menyentuh isu- isu sensitif tentang politik, ras dan agama
  - ii) membaca teks cerita atau bahan rujukan
  - iii) dibantu oleh orang lain.

### 5. Pemarkahan

- 5.1 Pembahagian markah:
  - Isi cerita (20 markah)
  - Tatabahasa (20 markah)
  - Gaya persembahan (20 markah)
  - Suara (20 markah)
  - Kreativiti (20 markah)

### 6. Hakim

- 6.1 Hakim akan dilantik oleh urus setia.
- 6.2 Keputusan hakim adalah MUKTAMAD.

### 7. Borang Penyertaan

- 7.1 Setiap penyertaan hendaklah dilengkapi menggunakan aplikasi *Google Forms* di pautan <https://forms.gle/hqfAwueYV49ZD5sNA> atau boleh dimuat turun melalui laman web DBP di pautan [www.dbp.gov.my/](http://www.dbp.gov.my/)
- 7.2 Pastikan setiap Borang penyertaan hendaklah mendapat pengesahan daripada Guru Besar.
- 7.3 Borang penyertaan (dimuat turun) yang telah lengkap hendaklah dihantar melalui pos, faksimile, e-mel atau dihantar sendiri kepada urus setia pertandingan di alamat yang diberikan.
- 7.4 Muat naik rakaman video pertandingan bercerita pada dinding (*wall*) Facebook FBS2020 mengikut kategori pertandingan, iaitu Pertandingan Bercerita.

8. **Hadiah**
- 8.1 **Peringkat Saringan**  
Semua peserta yang menyertai pertandingan peringkat saringan akan diberikan sijil penyertaan
- 8.2 **Peringkat Akhir**
- |                     |                                  |
|---------------------|----------------------------------|
| Tempat Pertama      | - RM 500.00 dan Sijil Penyertaan |
| Tempat Kedua        | - RM 400.00 dan Sijil Penyertaan |
| Tempat Ketiga       | - RM 300.00 dan Sijil Penyertaan |
| Sagu Hati (5 orang) | - RM 100.00 dan Sijil Penyertaan |
9. **Tarikh Tutup**  
Borang penyertaan hendaklah sampai kepada urus setia sebelum atau pada **19 Jun 2020**.
10. **Pertandingan Akhir dan Penyampaian Hadiah**  
Pertandingan Akhir dan penyampaian hadiah akan diadakan pada hari Selasa, **11 Ogos 2020** (Festival Bahasa dan Sastera 2020) di DBP Kuala Lumpur.
11. **Urus Setia**
- 11.1 Urus setia berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak menepati syarat penyertaan yang ditetapkan.
- 11.2 Urus setia tidak menyediakan pengangkutan peserta pertandingan akhir dari sekolah ke tempat penginapan dan sebaliknya.
- 11.3 Urus setia menyediakan pengangkutan dari tempat penginapan ke lokasi pertandingan (DBP) dan sebaliknya bagi pertandingan peringkat akhir.
- 11.4 Urus setia akan menanggung kos penginapan peserta dan seorang guru pengiring dari luar Kuala Lumpur dan Selangor bagi pertandingan peringkat akhir.
- 11.5 Urus setia akan menyediakan makan minum sepanjang tempoh pertandingan peringkat akhir untuk peserta dan guru pengiring.
- 11.6 Sebarang kemalangan atau kerugian dalam tempoh pertandingan ini adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri dan tidak dibenarkan membuat tuntutan kepada pihak penganjur.
- 11.7 Pihak penganjur berhak mengubah syarat pertandingan yang dinyatakan dari semasa ke semasa.

Sebarang pertanyaan atau penghantaran borang penyertaan hendaklah diajukan kepada :

**Bahagian Pengembangan Bahasa Kebangsaan  
Pelbagai Kaum,  
Aras 19, Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.**  
**Nama :** Huznah Sait/ Safwan Sanusi  
**Tel. :** 03 – 2147 9301/ 9299  
**Faks :** 03 – 2147 9618  
**E-mel :** fbs2020@dbp.gov.my

**4. BUTIRAN GURU PENGIRING**

Nama Guru :  
No. Kad Pengenalan :  
Alamat Rumah :  
No Telefon (R) :  
No. Telefon (B)

**5. PENGESAHAN GURU BESAR**

Dengan ini disahkan bahawa pelajar tersebut adalah wakil sekolah kami.

Tandatangan :  
Nama Guru Besar :

Cap Sekolah :

Tarikh :

**BORANG PENYERTAAN**

**1. BUTIRAN SEKOLAH**

Nama Sekolah :  
Alamat Sekolah :

No. Telefon :  
No. Faks :  
E-mel :

**2. BUTIRAN PELAJAR**

Nama Penuh :  
Umur :  
No. Kad Pengenalan /  
Sijil Kelahiran  
(sertakan salinan) :  
Tahun :  
Alamat Rumah :

No. Telefon (R) :  
No. Telefon (B) :  
Nama Ibu/  
Bapa/Penjaga :

**3. CERITA**

Judul Cerita :  
Penulis  
Buku cetakan atau  
cabutan dari buku :  
Penerbit :